

14 AUG 1997

Mahathir-Murtad

MAHATHIR SELAR MUFTI TERTENTU YANG KATANYA HAMPIR MURTAD

JITRA, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan tindakan mufti tertentu yang mendakwanya hampir murtad ekoran isu tiga remaja ditangkap menyertai pertandingan ratu cantik, sebagai keterlaluan.

"Tumpuan bukanlah kepada semua mufti tapi fatwa mufti tertentu yang katakan sesiapa yang tidak mengambil fatwanya hampir murtad," katanya pada majlis perjumpaan dengan penduduk Parlimen Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini.

Dr Mahathir adalah anggota Parlimen Kubang Pasu.

"Kita hormat mufti pasal sesuatu peraturan yang dibuatnya tetapi kalau mufti mengambil tindakan tidak mengikut hukum Islam, tak kan kita tak boleh tegur," katanya.

Katanya, beliau dikecam hampir murtad kerana menegur cara penangkapan tiga remaja yang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor, bulan lepas.

"Orang tegur saya hampir murtad kerana tegur pertandingan ratu cantik," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan sebenarnya beliau bukan menegur pertandingan itu tetapi cara tiga remaja itu ditangkap dengan digari.

"Saya tak kata jangan ambil tindakan atau jangan tangkap. Ya, memang dia (tiga remaja itu) buat salah tapi tak perlulah digari."

Beliau berkata Islam juga menuntut keadilan ditunjukkan sambil menambah kata: "Kalau penyangak atau pencuri ... garilah,"

Dr Mahathir berkata apabila tindakan keterlaluan diambil, yang buruk ialah imej Islam.

"Mereka (mufti) boleh buat fatwa ... siapa tentang, murtad tapi mufti boleh batalkan fatwa. Tuduh orang lain murtad adalah keterlaluan."

Dr Mahathir juga menegur sesetengah orang yang menggelarkan diri mereka ulama semata-mata kerana memasuki persatuan ulama dan membayar yuran.

"Kalau boleh masuk persatuan dan bayar yuran jadi ulama, sesiapa pun boleh jadi ulama macam begitu," katanya.

Beliau berkata para ulama hendaklah tidak beranggapan bahawa bidang pengetahuan agama sahaja penting untuk menegakkan Islam.

Bidang lain, katanya, seperti kedokteran, kejuruteraan, pertahanan dan teknologi maklumat juga memainkan peranan yang penting dalam menegakkan Islam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga berkata kerajaan mendapati Bumiputera tidak mendapat banyak kebaikan daripada peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu golongan itu yang ketinggalan dalam pelbagai bidang kerana mereka tidak bersedia untuk menerima peluang-peluang itu.

Peluang-peluang itu termasuk biasiswa dan dasar-dasar kerajaan, katanya.

Beliau berkata purata pendapatan kaum lain seperti Cina dan India lebih tinggi daripada Bumiputera kerana mereka sanggup bekerja kuat, belajar dan menggunakan sepenuhnya peluang-peluang yang ada.

"Peluang dan dasar itu semuanya kita buat untuk mengimbangkan jurang perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera tetapi kalau Bumiputera tidak bersedia, susahlah kita nak tolong mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata ketika ini negara diancam oleh orang perseorangan untuk menjatuhkan nilai mata wang Malaysia.

"Kalau kita tidak mampu untuk memajukan negara, kita akan dijajah

semula, bukan oleh pentadbiran negara asing di sini tetapi oleh kekayaan pihak tertentu," katanya.

Sebelum perjumpaan itu, Dr Mahathir melawat pembangunan gerai di Kepala Batas, Medan Selera Tanah Merah di Bandar Darulaman dan Aked Mara di Jitra, kesemuanya dalam kawasan parlimen Kubang Pasu. -- BERNAMA

JM AHH